



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 22 SEPTEMBER 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	MAFI, KERAJAAN NEGERI SETUJU KEKALKAN PEWARTAAN TKPM, ONLINE, SH MAFI, KERAJAAN NEGERI SETUJU KEKALKAN PEWARTAAN TKPM, ONLINE, BH FEDERAL, STATE GOVTS TO COOPERATE ON FOOD SECURITY INITIATIVES, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -3 PEMBEKAL TELUR DIARAH TAMBAH BEKALAN KE LANGKAWI, NEGARA, KOSMO -7 JUALAN KELUARGA MALAYSIA BANTU PENDUDUK, KELANTAN, HAKAH, -H13	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
6.	JPV AMBIL SAMPEL AIR TANJUNG SEPAT, DALAM NEGERI, UM -12	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

MAFI, KERAJAAN NEGERI SETUJU KEKALKAN PEWARTAAN TKPM



KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta kerajaan negeri secara dasar bersetuju untuk mengekalkan pewartaan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) serta mewartakan TKPM yang belum diwartakan. Menerusi mesyuarat kementerian bersama exco negeri yang dipengerusikan menteri berkenaan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee semalam, mesyuarat juga secara dasar bersetuju

menyediakan peruntukan penyelenggaraan TKPM, tertakluk kepada kelulusan di peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri masing-masing.

MAFI dalam kenyataan memaklumkan mesyuarat itu juga bersetuju dengan penubuhan dan terma rujukan Jawatankuasa Pembangunan Tanah Pertanian Peringkat Daerah sebagai platform memudah cara pembangunan tanah milik persendirian secara terancang bagi tujuan pertanian.

Ia sebagai usaha bersepadu bagi mengoptimumkan tanah pertanian sedia ada dan belum dibangunkan dalam meningkatkan pengeluaran makanan negara.

"Jawatankuasa ini akan dipengerusikan pegawai daerah dan diselaraskan oleh Pejabat Daerah dan Tanah dengan dianggotai pelbagai jabatan/agensi di peringkat daerah. Peretujuan yang dicapai ini menyokong hasrat kementerian untuk memperkukuh sinergi dengan kerajaan negeri bagi menjamin sekuriti bekalan makanan negara," menurut kementerian itu.

Mesyuarat secara hibrid di Wisma Tani, Putrajaya itu turut dihadiri Ketua Setiausaha MAFI, exco pertanian dari 13 negeri, wakil Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), pegawai kanan serta ketua jabatan dan agensi MAFI.

Selain itu, mesyuarat turut membincangkan status sekuriti bekalan makanan negara yang diunjur kekal stabil dan mencukupi khususnya bagi lapan komoditi utama iaitu beras, daging ayam, daging lembu/kerbau, telur, susu segar, ikan, buah dan sayur.

Mesyuarat itu turut membincangkan hala tuju keputusan Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri ke-139 berkaitan cadangan sinergi antara kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri bagi pengukuhan sekuriti bekalan makanan negara. MAFI dan kerajaan negeri melalui kerjasama strategik serta kolaborasi berterusan akan memperkasa sektor agromakanan dan sekuriti bekalan makanan selaras aspirasi Dasar Agromakanan Negara 2021-2030.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

MAFI, KERAJAAN NEGERI SETUJU KEKALKAN PEWARTAAN TKPM



KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta kerajaan negeri secara dasar bersetuju untuk mengekalkan pewartaan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) sertaewartakan TKPM yang belum diwartakan.

Menerusi mesyuarat kementerian bersama exco negeri yang dipengerusikan menteri berkenaan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee semalam, mesyuarat juga secara dasar bersetuju menyediakan peruntukan penyelenggaraan TKPM, tertakluk kepada kelulusan di peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri masing-masing.

MAFI dalam kenyataan memaklumkan mesyuarat itu juga bersetuju dengan penubuhan dan terma rujukan Jawatankuasa Pembangunan Tanah Pertanian Peringkat Daerah sebagai platform memudah cara pembangunan tanah milik persendirian secara terancang bagi tujuan pertanian.

Ia sebagai usaha bersepadu bagi mengoptimumkan tanah pertanian sedia ada dan belum dibangunkan dalam meningkatkan pengeluaran makanan negara.

"Jawatankuasa ini akan dipengerusikan pegawai daerah dan diselaraskan oleh Pejabat Daerah dan Tanah dengan dianggotai pelbagai jabatan/agensi di peringkat daerah. Persetujuan yang dicapai ini menyokong hasrat kementerian untuk memperkukuh sinergi dengan kerajaan negeri bagi menjamin sekuriti bekalan makanan negara," menurut kementerian itu.

Mesyuarat secara hibrid di Wisma Tani, Putrajaya itu turut dihadiri Ketua Setiausaha MAFI, exco pertanian dari 13 negeri, wakil Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), pegawai kanan serta ketua jabatan dan agensi MAFI.

Selain itu, mesyuarat turut membincangkan status sekuriti bekalan makanan negara yang diunjur kekal stabil dan mencukupi khususnya bagi lapan komoditi utama iaitu beras, daging ayam, daging lembu/kerbau, telur, susu segar, ikan, buah dan sayur.

Mesyuarat itu turut membincangkan hala tuju keputusan Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri Ke-139 berkaitan cadangan sinergi antara kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri bagi pengukuhan sekuriti bekalan makanan negara.

MAFI dan kerajaan negeri melalui kerjasama strategik serta kolaborasi berterusan akan memperkasa sektor agromakanan dan sekuriti bekalan makanan selaras aspirasi Dasar Agromakanan Negara 2021-2030.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2022	THE SUN	NEWS WITHOUT BORDERS	3

Federal, state govts to cooperate on food security initiatives

KUALA LUMPUR: The Agriculture and Food Industry Ministry has agreed in principle for state governments to maintain the gazette on "Permanent Food Production Parks", as well as to gazette those that have not been gazetted yet.

The ministry said in a statement yesterday the matter was discussed at a meeting with the respective state executive councils, which was chaired by its minister Datuk Seri Dr Ronald Khande.

The meeting also agreed in principle for the states to provide allocation for maintenance of such parks, as well as on the establishment and terms of reference of the District Agricultural Land Development

Committee as a platform to facilitate the development of privately owned land for agricultural purposes.

"It is a concerted effort to optimise existing and undeveloped agricultural land in increasing the country's food production.

"This committee will be chaired by a district official and coordinated by the District and Land Office, with members from various departments and agencies at the district level," the ministry said, adding that the move was in line with its aim to strengthen synergy with state governments to boost security of the country's food supply.

The meeting also discussed the status of

food supply, which is projected to remain stable and sufficient, especially for eight main commodities, namely rice, chicken, beef/buffalo meat, eggs, fresh milk, fish, fruit and vegetables.

Also discussed was the direction of the decision made at the 139th Mentri Besar and Chief Ministers Meeting on proposed synergy between the federal and state governments to enhance food security.

The ministry and state governments, through strategic cooperation and continuous collaboration, will strengthen the agro-food sector and food supply security, in line with the National Agro-Food Policy 2021-2030. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2022	KOSMO	NEGARA	3

Pembekal telur diarah tambah bekalan ke Langkawi



BEKALAN telur di Langkawi dijangka pulih sepenuhnya pada penghujung bulan ini. - GAMBAR HIASAN

LANGKAWI – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kedah telah berhubung dengan pembekal telur ayam bagi menstabilkan kembali bekalan telur di pulau peranginan ini.

Pengarahnya, Affendi Rajini Khanth berkata, kekurangan bekalan telur turut dialami di sekitar negeri ini, namun tidak begitu ketara.

"Di tanah besar masih ada kekurangan bekalan, tetapi tidak begitu ketara kerana masih ada telur ayam gred lain untuk menampung permintaan pasaran.

"Pihak KPDNHEP telah meng-



KERATAN Kosmo! semalam.

hubungi salah satu pembekal di Alor Setar dan mereka bersetuju untuk menambah penghantaran bekalan telur khususnya pada hujung bulan ini dan awal Oktober bagi menstabilkan bekalan telur," katanya ketika dihubungi

di sini semalam.

Ujarnya, kekurangan bekalan di Langkawi amat ketara kerana pulau itu hanya menerima bekalan telur dari tanah besar dua kali seminggu dan tidak mempunyai pembekal telur sendiri.

Bagaimanapun, beliau menyatakan bekalan telur adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Kosmo! semalam melaporkan kekurangan bekalan telur ayam di pulau peranginan itu memaksa segelintir peniaga menghadap penjualan telur kepada pelanggan mereka.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2022	HARAKAH	KELANTAN	H13

Jualan Keluarga Malaysia **bantu** penduduk

Oleh MUHAMMAD ARIF ISMAIL

BACHOK: Sehingga Ahad lepas Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (PJMKM) 2.0 yang diadakan di 45 kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) di Kelantan mencatat nilai jualan sebanyak RM3.46 juta.

Manakala jumlah pengunjung yang datang dalam tempoh sama seramai 73,266 orang.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Dato' Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, sebanyak 24 Dun mengadakan program itu serentak di Kelantan Ahad lepas.

Katanya, PJMKM dianjurkan bagi membantu meringankan beban rakyat pasca pandemik Covid-19.

"Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) diberi amanah untuk mengemudi PJMKM 2.0," katanya ketika ditemui



Program Jualan Keluarga Malaysia menawarkan diskaun sehingga 20 peratus.

pada pelancaran PJMKM peringkat negeri di Pusat Khidmat Masyarakat Dun Tawang Wakaf Zin di sini Ahad lepas.

Dr Nik Muhammad Zawawi yang juga Ahli Parlimen Pasir Puteh berkata, program terbabit diadakan di 45 Dun di Kelantan dengan peruntukan sebanyak RM5,625,000 bagi tempoh lima bulan bermula Ogos lalu.

Menurutnya dana yang disediakan di setiap Dun sebanyak RM125,000.

"Pemilihan pengusaha pasar raya berpandu-

kan kemampuan untuk menyediakan barangan keperluan harian serta menjadi pilihan utama penduduk.

"Kerajaan berusaha membantu rakyat yang terjejas dan meringankan kos hidup ekoran kenaikan harga barangan harian," ujarnya.

Program itu menawarkan pengurangan harga barangan keperluan harian sehingga 20 peratus termasuk ayam, ikan dan hasil laut, telur ayam, gula, minyak masak, tepung gandum, beras dan sayur-sayuran.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12

JPV ambil sampel air di Tanjung Sepat

PUTRAJAYA: Selepas empat hari pendedahan *Utusan Malaysia* berhubung pencemaran teruk laut di Tanjung Sepat, Selangor dipercayai akibat air kumbahan dari ladang ternakan babi, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) membuat tinjauan awal dan melaksanakan pemeriksaan lebih lanjut dan menyeluruh dengan mengambil sampel air di kawasan itu.

Memaklumkan perkara itu kepada *Utusan Malaysia*, JPV berkata, pemeriksaan itu dilaksanakan dua kali iaitu pada Isnin lalu dan semalam disertai pasukan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) di bawah Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 (Pindaan 2020) dan Peraturan-Peraturan Kemasukan atau Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2012.

JPV berkata, berdasarkan tindakan pihaknya ke atas ladang ternakan di kawasan berkenaan bagi tempoh tahun 2020 hingga tahun ini, sebanyak 93 surat amaran dikeluarkan kepada penternak yang dikesan mengalirkan air ke luar ladang mereka melebihi kadar Biochemical Oxygen Demand (BOD) ditetapkan iaitu 50 ppm dan ke bawah.

Sehingga kini, jelasnya, hanya empat ladang masih gagal mematuhi syarat tersebut dan tindakan susulan sedang diambil mengikut lunas undang-undang sedia ada.

Berdasarkan rekod terkini JPV, terdapat 118 ladang di selatan Kuala Langat iaitu dari Tanjung Layang hingga Tanjung Sepat yang memelihara sebanyak 227,840 ekor babi.

Sebagai contoh penyelesaian, JPV berpandangan Projek Penternakan Babi Moden yang memberi penekanan kepada sistem bangsal tertutup dan kumbahan sifar wajar diteruskan bagi menyelesaikan isu ini.

"(Untuk rekod) dari tahun 2019 sehingga kini, enam orang didakwa di mahkamah atas kesalahan tersebut termasuk sebuah lori yang dilucut hak terlibat dalam kegiatan ini."

"Penalti bagi kesalahan di bawah Kaedah-kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan) 2009 adalah denda maksimum RM10,000 dan mahkamah boleh memerintahkan karkas binatang, peralatan, kenderaan dan lain-lain barang disita bagi kesalahan ini dilupuskan mengikut pe-



...dari tahun 2019 sehingga kini, enam orang didakwa di mahkamah atas kesalahan tersebut termasuk sebuah lori yang dilucut hak terlibat dalam kegiatan ini."

runtukan Seksyen 68 Akta Binatang 1953 atau dilucut hak mengikut Seksyen 74 Akta Binatang 1953," katanya di sini semalam.

Laporan khas *Utusan Malaysia* pada 15 September lalu mendedahkan penderitaan kira-kira 7,000 penduduk Tanjung Sepat berdepan masalah pencemaran dipercayai kumbahan ternakan babi di kawasan itu sejak 30 tahun lalu.

Selain bau busuk, air dalam parit dan anak sungai di sekitar kawasan berkenaan berwarna hitam pekat dan mengalir ke laut yang terletak kira-kira 30 meter.

Tinjauan di sekitar Kampung Ladang Tumbuk mendapati, kedudukan kandang babi hanya terletak 50 hingga 200 meter dengan penempatan penduduk melibatkan sempadan Kuala Langat, Teluk Bunut serta Tanjung Sepat, di sisi.

Ekoran pendedahan itu, JPV membuat tinjauan awal dan pihaknya tidak menemui sebarang bukti berkenaan air kumbahan dari ladang ternakan dialirkan keluar tanpa dirawat ke parit awam dan laut.

JPV juga tidak menemui sebarang lokasi yang menjadi tempat penyembelihan babi haram termasuk barang-barang yang biasa digunakan untuk aktiviti tersebut berdasarkan tindakan di bawah pucuk kuasa perundangan Akta Binatang 1953 (Semakan 2013) yang memfokuskan kepada kawalan penyakit haiwan dan Enakmen Pengawalan Penternakan Babi 1991.